



## SIARAN AKHBAR

---

**MAJLIS PENYERAHAN KURMA KURNIA PERIBADI  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
SEMPENA BULAN RAMADHAN 1445H / 2024M**

**Hari Rabu, 25hb. Sya'aban 1445H bersamaan 06hb. Mac 2024M**

**Bandar Seri Begawan** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) petang tadi telah mengadakan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadhan 1445H / 2024M bertempat di Bilik VIP, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian untuk diserahkan pengagihannya kepada setiap pegawai dan kakitangan masing-masing di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

**/TAMAT**

Dikeluarkan oleh:  
**Unit Perhubungan Awam**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**06hb. Mac 2024M**